

Lapor jika ada bukti berlaku politik wang

UM : Khamis 21/6/2007

KUALA LUMPUR 20 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta mana-mana pihak yang mempunyai bukti terhadap gejala politik wang dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap dan Ijok supaya tampil membuat laporan.

Menurut Perdana Menteri, pihak yang tidak berpuas hati juga boleh mengemukakan petisyen bagi membatalkan keputusan pilihan raya berkenaan.

"Ini kerana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengambil tindakan ke atas penyalahgunaan kuasa politik wang yang didakwa berlaku dalam pilihan raya kecil DUN Machap dan Ijok," kata beliau.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah)** pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, semua pihak perlu menyerahkan kepada polis untuk membuat siasatan jika terdapat amalan politik wang sepanjang pilihan raya itu berlangsung.

Selain itu, Abdullah memberitahu, bagi pilihan raya kecil DUN Machap, calon Barisan Nasional (BN) membelanjakan sebanyak RM89,955 berbanding calon DAP (RM15,876).

Bagi pilihan raya kecil DUN Ijok pula, jelasnya, calon BN membelanjakan RM100,000 berbanding calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) (RM86,300).

Dalam satu lagi jawapan bertulis kepada **Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam)**, Perdana Menteri menyarankan supaya pengusaha industri pengangkutan memasang alat Sistem Kedudukan Global (GPS) supaya pergerakan lori dapat dikesan.

Beliau juga mencadangkan agar lori yang membawa kargo, bergerak secara kumpulan dan menggunakan khidmat pengawal keselamatan sebagai pengiring.

"Kerajaan sentiasa memandang serius mengenai perkara ini. Sehubungan itu pada 28 Disember 2001, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melancarkan Ops Viper khusus menangani masalah jenayah terhadap industri ini," kata beliau.

Tambahnya, kerajaan turut mengadakan talian *Hotline* Ops Kargo di Bukit Aman melalui Pusat Kawalan Malaysia (MCC) yang beroperasi 24 jam.

Talian yang digunakan ialah 03-2262 6555/ 03-2262 7555.